



**SEKOLAH HOSPITALITI DAN PELANCONGAN  
KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR**

---

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER JANUARI 2015**

---

<b>KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>PENDIDIKAN MORAL</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>MPU 3023</b>
<b>PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>12 MEI 2015</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>9.00 PG - 12.00 TGH (3 JAM)</b>

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: **BAHAGIAN A (20 Markah)**  
**BAHAGIAN B (50 Markah)**  
**BAHAGIAN C (30 Markah)**
2. Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A dan B**. Bagi **BAHAGIAN C**, Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini;
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan
  - iii. Borang OMR

---

**KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA  
HADAPAN**

---



**BAHAGIAN A (Jumlah : 20 Markah)****SOALAN OBJEKTIF****ARAHAN : Jawab SEMUA Soalan****Sila gunakan borang OMR yang disediakan.**

1. Istilah moral mengikut kaca mata Islam dikenali dengan nama \_\_\_\_\_.
  - A. Akhlak
  - B. Kelakuan
  - C. Etika
  - D. Tingkah laku
  
2. Semangat yang perlu ada dalam komuniti penduduk bagi memastikan perpaduan dalam hidup bermasyarakat **KECUALI**
  - A. Gotong royong
  - B. Hasad dengki
  - C. Hormat menghormati
  - D. Tolong menolong
  
3. Manakah diantara pernyataan berikut adalah berkaitan dengan nilai ?
  - i. Asas pembentukan kepercayaan dan keyakinan seorang terhadap seseorang yang lain.
  - ii. Sikap, tanggapan, motivasi, personaliti, kemajuan, dan pembangunan sesuatu bangsa dan organisasi.
  - iii. Pegangan agama dan adat yang diwarisi oleh nenek moyang.
  - iv. Timbangan seorang manusia terhadap orang lain berdasarkan sifat fizikal semata.
  - A. i dan ii sahaja.
  - B. ii, iii dan iv sahaja.
  - C. i,ii dan iv sahaja
  - D. iii dan iv sahaja.

4.

- Satu set matlamat yang ditakrifkan sebagai budaya
- Peraturan-peraturan yang mengawal pencapaian matlamat ini
- Sesuatu dari luaran individu dan dikenakan terhadap individu

Kenyataan di atas merujuk kepada

- A. Psikologi minda
  - B. Falsafah akhlak dan etika sosial
  - C. Nilai
  - D. Psikologi Sosial dan Falsafah moral
5. Berikut adalah fungsi komuniti dalam sebuah masyarakat kecuali
- A. Memelihara flora dan fauna yang hampir pupus.
  - B. Mengembangkan intelek manusia supaya ia berfungsi dengan efektif
  - C. Melindungi nyawa manusia dan membenarkan mereka terus hidup.
  - D. Menstabilkan keadaan dan suasana yang kondusif dalam masyarakat.
6. Untuk mengenal pasti sama ada seseorang individu mempunyai 'kod etika' atau 'keperibadian yang mulia' kita perlu melihat sama ada seseorang itu mempunyai sifat-sifat yang berikut
- A. Cantik fizikal dan mental
  - B. Motivasi intrinsik, perasaan berdosa dan tidak bersetuju.
  - C. Ketidakpercayaan justifikasi bagi motivasi dan perasaan berdosa
  - D. Tidak mengikut prinsip moral ketuhanan.

7.

"WANG KERTAS INI SAH DIPERLAKUKAN DENGAN NILAI"

**KENYATAAN** di atas berkaitan dengan:

- A. Moral
- B. Etika
- C. Nilai
- D. Akhlak

8. **TIGA (3)** perkara yang menjadi teras utama ajaran Islam \_\_\_\_\_

- A. Tauhid, Syariat dan Akhlak
- B. Syariat, Feqah dan Tauhid
- C. Ibadah, Akhlak dan Syariat
- D. Akhlak, Tasauf dan Ibadah

9.

Menurut ajaran Islam, sebuah keluarga boleh dibina hanya dengan pernikahan yang sah. Manakala di Eropah, keluarga boleh dibentuk tanpa perlu melalui perkahwinan rasmi.

Contoh di atas berkaitan dengan nilai

- A. Subjektik
- B. Absolute
- C. Instrinsik
- D. Relatif

10. Berikut adalah faktor-faktor yang mempengaruhi akhlak seorang muslim

- A. Hobi dan cita-cita
- B. Manusia
- C. Persekitaran
- D. Pendidikan Islam yang diperolehi sepanjang hayat

11. Berikut adalah perbezaan antara moral dan akhlak **KECUALI**

	Moral	Akhlak
A	Istilah moral digunapakai oleh mereka yang non muslim	Perkataan akhlak digunakan oleh orang-orang Islam sahaja
B	Moral mempunyai pengertian yang terhad	Mempunyai pengertian yang amat luas melibatkan perkara rohani dan jasmani
C	Istilah moral tidak disebut dalam kitab suci penganut Islam	Perkataan Akhlak diungkap dalam Al Quran berulang kali
D	Persoalan moral yang dikaitkan dengan urusan dunia dan hari pembalasan	Akhlak mempunyai kaitan dengan persoalan dunia sahaja

12. Pilih pernyataan pindaan normatif kepada bukan normatif yang salah.

	Perkara	Bukan Normatif	Normatif
A	Pilihanraya	Pendaftaran pemilih semakin kurang	Rakyat yang baik perlu mendaftarkan diri sebagai pemilih
B	Ibu bapa	Ibu bapa mempunyai autoriti dalam keluarga	Sentiasa mematuhi perintah ibu bapa
C	Mahasiswa	Mahasiswa semakin tidak berkualiti	Kuantiti mahasiswa yang ramai bukan faktor sistem pendidikan itu berkualiti.
D	Bunuh diri	Kes bunuh diri semakin banyak	Kes bunuh diri demi agama dan akidah adalah dibenarkan

13. \_\_\_\_\_ adalah mengaitkan persoalan moral, peraturan masyarakat, dan undang-undang negara

- A. Teori keperibadian mulia
- B. Teori deontologis
- C. Teori kemoralan sosial
- D. Teori eksistensialisme

14.

- Kemunculan Islamic State (IS) yang menggemparkan masyarakat dunia
- Keadaan politik yang tidak stabil di kebanyakan negara Afrika dan Russia
- Munculnya pengebom berani mati di kalangan orang Islam

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah faktor-faktor yang menyebabkan ia berlaku

- i. Sistem pemerintahan yang kucar-kacir dan pimpinan yang dilantik bukan dari kalangan orang yang disenangi rakyat.
- ii. Perbezaan politik dan ekonomi antara rakyat yang semakin ketara
- iii. Perselisihan fahaman agama, tradisi dan adat yang mengawal kehidupan masyarakat dunia
- iv. Perbezaan sistem peraturan dan kemoralan antara agama serta kepercayaan yang akhirnya mengubah geografi negara terbabit

- A. i dan ii sahaja
- B. iii dan iv sahaja
- C. Semua diatas
- D. ii, iii dan iv sahaja.

15. Merujuk prinsip masyarakat cina, peribahasa cina ada mengatakan ' *Jia you jia gui, guo you guo fa* ' bermaksud\_\_\_\_\_.
- A. Masyarakat perlu bersatu tidak kira apa bangsa, fahaman dan agama yang dianuti.
  - B. Masyarakat Melayu yang beragama Islam mengamalkan kehidupan berdisiplin melalui ajaran etika dan akhlak yang terdapat dalam al-Quran dan Hadis
  - C. Penganut agama Budha dinasihati supaya tidak mengamalkan kehidupan yang ekstrim iaitu tidak terlalu menyiksa diri dan terlalu dikuasai oleh hawa nafsu.
  - D. Sesebuah negara perlulah mempunyai peraturan-peraturan keluarga dan sesebuah negara perlu mempunyai undang-undang negara.
16. Kebolehan moral manusia diperolehi semasa diajar dan ditabiatkan oleh keluarga, komuniti untuk berfikir, berasa dan berkelakuan dalam cara-cara yang sesuai. Definisi ini merujuk kepada teori\_\_\_\_\_.
- A. Keperibadian mulia
  - B. Wajiban
  - C. Teleologis
  - D. Adil

- Jangan ada tuhan-tuhan lain dihadapanku
- Jangan membina apa-apa patung yang menyerupai apa-apa di atas syurga bumi atau air bawah bumi
- Jangan menggunakan nama *Yahweh* Tuhanmu dengan sebarang tujuan yang jahat.
- Ingatlah dan kuduskanlah hari Sabtu

17. Perintah-perintah di atas merujuk kepada ajaran Kristian di dalam kitab \_\_\_\_\_.
- A. Perjanjian Baru
  - B. Perjanjian Lama
  - C. Zabur
  - D. Taurat



18. Agama yang dipercayai tiada pengasasnya
- A. Islam
  - B. Hindu
  - C. Buddha
  - D. Kristian
19. Pengasas agama Buddha adalah
- A. Nabi Muhamad S.A.W
  - B. Abu Bakar Bappu
  - C. Nabi Isa
  - D. Sidharta Gautama
20. Antara jenis-jenis sifat-sifat ego adalah
- i. Suka menyalahkan diri orang lain
  - ii. Menegaskan bahawa semua orang bertindak untuk kebaikan diri sendiri.
  - iii. Dapat menilai diri sebagai selfish
  - iv. Digunakan sebagai justifikasi bagi egoisme etika
- A. i dan ii sahaja
  - B. i, ii dan iv sahaja
  - C. iii dan iv sahaja
  - D. Iv sahaja.

**BAHAGIAN B (Jumlah : 50 Markah)****ARAHAN : Jawab SEMUA soalan di bawah.****Sila gunakan buku jawapan yang disediakan.**

1. Masyarakat orang asli kebanyakan mereka masih mengamalkan kepercayaan natif seperti animisme. Jelaskan **LIMA (5)** kepercayaan tersebut.  
(5 Markah)
2. Jelaskan **LIMA (5)** faktor yang mempengaruhi perkembangan manusia.  
(5 Markah)
3. Jelaskan **TIGA (3)** sahaja kandungan ajaran kristian  
(3 Markah)
4. Sebutkan **DUA (2)** sahaja ajaran dalam agama Buddha  
(2 Markah)
5. Sebutkan **DUA (2)** sahaja kitab dalam agama Hindu  
(2 Markah)
7. Nyatakan **TIGA (3)** sahaja nilai-nilai murni yang terkandung dalam kitab Vedas  
(3 Markah)
8. Terdapat **LIMA (5)** perkara yang tidak baik menurut kepercayaan agama Sikh. Terangkan **LIMA (5)** perkara-perkara tersebut  
(5 Markah)
9. Islam mengelaskan akhlak kepada dua cabang iaitu *terpuji* dan *terkeji*. Huraikan **LIMA (5)** sifat setiap satu  
(5 markah)
10. Jelaskan konsep Karma '*kelahiran semula*' dalam ajaran Hindu.  
(5 Markah)
11. Berikan **DUA (2)** sahaja contoh teori keperibadian mulia.  
(4 Markah)
12. Sebagai seorang doktor. Apakah yang anda akan lakukan apabila berhadapan dengan seorang klien yang ingin menggugurkan bayi di dalam kandungannya. Sila berikan **TIGA (3)** alasan.  
(6 Markah)
13. Berikan **LIMA (5)** contoh perilaku yang melanggar etika kerja.  
(5 Markah)

**BAHAGIAN C (Jumlah : 30 Markah)****ARAHAN : Jawab TIGA (3) sahaja berdasarkan soalan-soalan dibawah.****Sila gunakan buku jawapan yang disediakan.**

1. Selaku Pengarah di dalam sebuah Badan berkanun yang mempunyai ribuan pekerja yang sentiasa bergaduh. Hasad dengki seta iri hati antara satu sama lain. Apakah peraturan-peraturan dalam Organisasi yang anda boleh terapkan untuk memupuk sifat-sifat peribadi pekerja agar kualiti kerja dapat ditingkatkan dan produktiviti yang tinggi dapat dihasilkan. Senaraikan **SEPULUH (10)** peraturan yang mesti dipatuhi mengikut keutamaan.

(10 Markah)

2. Sebagai seorang pemimpin negara yang berpegang pada ajaran agama dan etika. Apakah nilai-nilai murni yang boleh anda terapkan dalam membangunkan kesejahteraan negara kearah negara berpendapatan tinggi

(10 Markah)

3. Anda mempunyai seorang kenalan rapat yang baru mengalami kekecewaan akibat putus cinta. Sebagai seorang sahabat dan kenalan rapat, apakah cetusan idea dan kata-kata perangsang yang dapat anda berikan agar dia bangkit dari kekecewaan yang dialaminya.

(10 Markah)

4. Masyarakat India di Malaysia adalah merupakan kaum ke 3 terbesar di Malaysia. Gariskan bagaimana masyarakat India dapat menyumbang ke arah perpaduan dalam konteks kepelbagaian kaum di Malaysia.

(10 Markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

